

17 MAR 2001

Penggiliran (Analisis Berita)

MENGEJUTKAN, TETAPI JANJI MESTI DIKOTAKAN

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 17 Mac (Bernama) -- Mengejutkan? Persoalan inilah yang mungkin bermain di fikiran banyak pihak sebaik sahaja pengumuman mengenai sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah oleh Perdana Menteri tengah hari semalam tersebar luas di kalangan rakyat negeri ini.

Sehingga hari inipun, realiti dan kesan daripada pengumuman berkenaan yang menyaksikan pelantikan Datuk Chong Kah Kiat bagi menggantikan Datuk Osu Sukam, nampaknya masih belum sehati sepenuhnya dalam fikiran sebilangan rakyat negeri ini.

Mereka yang tidak gembira tentulah daripada kalangan yang berharap agar sistem itu dimansuhkan tetapi sebagaimana yang mereka janjikan sebelum ini, mereka akan akur dengan apa jua keputusan yang bakal dibuat oleh Perdana Menteri.

"Bagaimanapun, kita mengharapkan kerjasama daripada parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain kerana ini merupakan satu pengorbanan besar oleh Umno demi perpaduan serta kestabilan politik negeri ini," kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah, Tawfiq Abu Bakar Titingan.

Pemuda Umno Sabah antara yang telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri supaya sistem penggiliran itu dihapuskan.

Apa yang nyata, menurut satu sumber, keputusan untuk meneruskan sistem itu memang mengejutkan kerana sehingga pagi semalam, hampir semua petunjuk kelihatan mengarah kepada kemungkinan untuk sistem itu dimansuhkan.

Andaian ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri beberapa minggu lepas bahawa sistem itu telah mewujudkan ketua menteri yang tidak berkesan.

Oleh kerana itu, menurut sesetengah pemerhati, kesudahan yang logik bagi sistem yang sedemikian ialah untuk tidak lagi diteruskan kewujudannya.

"Kejutan paling besar tentulah berhubung keputusan untuk meneruskan sistem penggiliran kerana sehingga saat-saat akhir maklumat yang kami terima ialah ia akan dimansuhkan dan Ketua Menteri sekarang (Osu) akan meneruskan tugasnya," menurut sumber berkenaan.

Bagi sesetengah pemerhati politik, sepatutnya tiada yang terlalu mengejutkan dengan keputusan itu jika dilihat pendirian konsisten Dr Mahathir dalam mengotakan janjinya untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah.

Ini bukan kali pertama ada permintaan supaya sistem itu dihapuskan tetapi Dr Mahathir berpegang teguh kepada janji yang dibuatnya kepada rakyat negeri ini untuk memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- bergilir-gilir menerajui kerajaan negeri.

Bekas Ketua Menteri Sabah Tan Sri Peter Lo berkata ada dua berita gembira daripada pengumuman Perdana Menteri semalam dan satu daripadanya ialah bahawa Perdana Menteri telah mengotakan janjinya.

"Janji untuk menggilirkan jawatan itu telah dikotakan selain dalam pemilihan calon yang kini tidak lagi dihadkan kepada parti-parti yang besar agar memberi peluang kepada semua orang untuk menawarkan perkhidmatan," katanya.

Sistem penggiliran yang baru diteruskan ini bagaimanapun mempunyai sedikit perubahan bagi mengiktiraf kedudukan Umno selaku parti terbesar di Sabah sambil pada masa yang sama, kaum lain terus berpeluang menerajui kerajaan negeri.

Ekoran pengubahsuaian itu, Umno akan mendapat dua tempoh bagi setiap

pusingan penggiliran berbanding hanya sekali bagi parti komponen yang lain.

Satu sumber juga menyebut Umno Sabah sendiri sebenarnya tidak sebulat suara mahu Osu kekal dalam jawatan itu.

"Osu dilihat sebagai seorang yang terlalu mahu bersikap lurus dalam semua urusan, terutamanya dalam soal pelantikan seseorang ke jawatan-jawatan tertentu," kata satu sumber.

Kejutan juga pasti dirasakan oleh masyarakat Kadazandusun memandangkan sebelum ini ada ura-ura bahawa pemimpin mereka akan dilantik ke jawatan itu sekiranya sistem itu diteruskan.

Persoalannya, kenapakah pemimpin mereka tidak dilantik ke jawatan itu?

Ketika diajukan soalan itu, Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok berkata tiada apa yang perlu dibimbangkan kerana keputusan untuk meneruskan sistem itupun sudah menunjukkan peranan mereka terus diiktiraf.

Jika kejutan adalah sesuatu yang menghampakan bagi sesetengah pihak, ia mungkin telah dapat ditenangkan melalui pemilihan Chong, Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) yang dianggap oleh ramai pihak sebagai seorang pemimpin yang disukai ramai.

Nama Chong sebenarnya juga merupakan antara yang disebut-sebut layak mengetuai kerajaan negeri sekiranya jawatan itu terus digilirkan.

Dengan teka-teki mengenai penggiliran itu sudah terjawab, perkara yang kini menjadi persoalan ialah bila peralihan kuasa itu akan berlangsung.

Bagaimanakah pula komposisi barisan kabinet negeri yang akan diketuai Chong? Apakah nasib Osu selepas ini?

Semua ini pasti mewujudkan banyak perkara untuk difikirkan pada hujung-hujung minggu begini.

-- BERNAMA

JS AKD